

18 JUN 2003

KELANTAN TIDAK SERAH PENGURUSAN BEKALAN AIR KEPADA K'JAAN PUSAT

KOTA BAHARU, 18 Jun (Bernama) -- Kerajaan Kelantan memutuskan tidak akan menyerahkan pengurusan bekalan air bersih di negeri itu kepada kerajaan pusat kerana kerajaan negeri menerusi Perbadanan Menteri Besar Kelantan masih mampu untuk menguruskan bekalan air dengan baik, kata Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Alam Sekitar Negeri, Ahmad Yaacob.

Beliau memberitahu pemberita di sini hari ini bahawa setakat ini kerajaan negeri membelanjakan RM291 juta daripada pinjaman mudah RM600 juta daripada kerajaan pusat, bagi menyediakan bekalan air bersih kepada rakyat.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan pusat mungkin mengambil alih tanggungjawab dalam pembangunan dan penyediaan kemudahan pembekalan air bersih berikutan ketidakupayaan kerajaan negeri membiayai kos pembangunan prasarana itu yang terlalu tinggi.

Ahmad berkata kerajaan Kelantan berkemampuan untuk membayar balik pinjaman berkenaan mengikut tarikh yang ditetapkan iaitu pada 2010.

Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, Takiyuddin Hassan pula berkata kerajaan negeri dengan kerjasama pihak swasta akan membina 292 unit rumah kos rendah dan sederhana serta 28 unit rumah kedai di Wakaf Mek Zainab di sini manakala 137 unit rumah kos rendah, sederhana dan rumah kedai akan dibina di Gua Musang.

Menerusi projek itu, yang akan dilancarkan Ogos ini, kerajaan negeri menyediakan tapak manakala kos pembinaan ditanggung oleh pihak swasta, katanya.

-- BERNAMA

BD MAI